

IPTS bukan untuk mengaut keuntungan

Serdang: Tempoh moratorium harus digunakan sebaik mungkin oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) terutama dengan memberi tumpuan terhadap usaha meningkatkan kualiti akademik ditawarkan.

Naib Presiden Hal Ehwal Akademik, USCI College, Prof Madya Dr Chong Aik Lee, berkata konsep pendidikan untuk semua yang diamalkan kebanyakan IPTS sebenarnya mendatangkan banyak keburukan kepada institusi itu sendiri kerana terpaksa menerima pelajar dengan kelayakan terlalu minimum walaupun memiliki Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) serendah 2.0.

"Jika IPTS betul-betul amalkan konsep berkenaan, mereka seharusnya menyediakan pendidikan berkualiti menerusi transformasi.

"Tenaga pengajar perlu memiliki kepimpinan yang mampu mengubah pelajar daripada memiliki kelayakan minimum hingga boleh menjadi orang berjaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel pada Wacana Intelektual bertajuk Moratorium IPT di Malaysia: Wajar atau Tidak? anjuran Fakulti Ekologi Manusia (FEM), UPM dengan kerjasama PenDapaT di UPM, baru-baru ini.



Dr Chong Aik Lee

Chong Aik berkata, pandangan sesetengah masyarakat melihat IPTS mengaut keuntungan semata-mata adalah tidak benar sama sekali memandangkan keberhasilan graduan daripada institusi itu kebanyakan turut mendapat tempat dalam pelbagai industri tidak kira dalam atau luar negara.

Peluang kedua

Katanya, peranan penting pengusaha atau pengasas IPTS itu melihat IPTS sebagai peluang kedua kepada pelajar yang gagal mendapat tempat di UA dan mereka masih boleh bersaing sama seperti pelajar universiti lain.

"Ada pelajar yang gagal menempatkan diri ke UA walaupun rayuan sudah dibuat namun mengambil


keputusan untuk meneruskan pengajian di IPTS.

"Ada juga yang tidak mungkin cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), tetapi peluang kedua diberikan sebagai laluan kejayaan mereka selepas tamat pengajian.

"Kejayaan ini adalah bukti kualiti yang disediakan oleh IPTS adalah antara yang terbaik bagi memastikan pelajar mereka mendapat pendidikan standard walaupun yuran pengajian agak tinggi kerana perlu juga menampung pembiayaan ahli akademik dan kemudahan lain," katanya.

Sebagai ahli akademik yang mempunyai pengalaman di beberapa kolej universiti swasta, Chong Aik berkata, lokasi penubuhan IPTS di Lembah Klang atau kawasan bandar dilihat sebagai inisiatif bagi menarik minat bakal pelajar meneruskan pengajian.

Beliau berkata, pelajar boleh melanjutkan pengajian dengan pelbagai kemudahan seperti pengangkutan awam dekat dengan kampus dan peluang bekerja sambil asalkan tidak mengganggu fokus pengajian mereka.



IPTS harus guna tempoh moratorium terhadap usaha tingkat kualiti akademik ditawarkan.